

Idea Falsafah Sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum: Analisis Terhadap Karya Falsafah al-Tarikh al-‘Uthmani

Muhammad Alif Fitri Abdul Halim, Ermy Azziaty Rozali*

¹*Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor Malaysia*

*Corresponding Authors
ermy@ukm.edu.my*

Received: 26 March 2023

Accepted: 16 June 2023

Online First: 31 October 2023

ABSTRAK

Terdapat dua kategori sejarawan yang menulis sejarah. Sejarawan yang hanya menukilkan naratif sesuatu sejarah dan sejarawan yang bukan sahaja menukilkan naratif sesuatu sejarah bahkan turut menganalisa dan mentafsirkannya. Hanya seorang sejarawan yang progresif boleh dikatakan memiliki ciri-ciri kategori yang kedua. Hal ini disebabkan oleh keupayaan yang dimilikinya untuk menjadikan sejarah itu ‘berfungsi’ untuk dijadikan sebagai iktibar dan pengajaran buat generasi yang akan datang. Muhammad Jamil Bayyuhum merupakan sejarawan Lubnan yang mengaplikasikan falsafah sejarah sebagai satu pendekatan analisis beliau. Justeru, kajian ini berobjektifkan dua perkara iaitu pertama, untuk mengetahui bagaimanakah proses pensintesisan idea falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum daripada karyanya Falsafah al-Tarikh al-‘Uthmani. Kedua, huraian bagi setiap idea falsafah sejarah yang telah dikeluarkannya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan menggunakan reka bentuk kajian teks daripada karya Falsafah al-Tarikh al-‘Uthmani sebagai sumber utama disamping sokongan fakta daripada sumber sekunder yang berkaitan. Teknik penganalisisan data pula menggunakan teknik analisa kandungan. Hasil kajian menunjukkan



bahawa Muhammad Jamil Bayyuhum telah berjaya mengaplikasikan falsafah sejarah dalam konteks pembinaan dan perkembangan kerajaan Uthmaniyyah dengan memberikan kupasan yang komprehensif berkaian dengannya.

Katakunci: falsafah sejarah, Muhammad Jamil Bayyuhum, uthmaniyyah

The Ideas of Muhammad Jamil Bayyuhum's Philosophy of History: An Analysis of Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani

ABSTRACT

There are two categories of historians who write history. One, historians who simply narrate the history and two, historians who analyze and interpret it. Only forward-thinking historians belong to the latter category due to their capability to make history serve as a functional lesson for future generations. Muhammad Jamil Bayyuhum, a historian from Lebanon, is known for his philosophy of history and analytical approach. This study focuses on two objectives. First, to comprehend the process of synthesizing the philosophical ideas of history in the book titled Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani by Muhammad Jamil Bayyuhum. Second, to explain each idea that had been expounded by him. This study employs qualitative methods and uses text study designs analysing Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani as the primary source, supported by relevant secondary sources. Content analysis serves as the data analysis technique. The result of this study demonstrates that Muhammad Jamil Bayyuhum has successfully integrated the philosophy of history into the development of the Ottoman Empire, providing a comprehensive analysis in alignment with this approach.

Keywords: Muhammad Jamil Bayyuhum, ottoman, philosophy of history

PENDAHULUAN

Wacana berkaitan falsafah sejarah secara umumnya masih lagi bercampur aduk di antara pendapat-pendapat yang diutarakan oleh tokoh-tokoh yang Muslim dan bukan Muslim. Misalnya penulisan Subhi (1975), Mu'nis (2001), Abdullah (2000), al-Nasysyar (2017) dan Ibrahim (2016) yang dilihat hanya lebih bersifat himpunan dan kupasan terhadap teori atau pendapat sejarawan atau ahli falsafah sejarah berkenaan falsafah sejarah sahaja. Namun, tiada bentuk pengaplikasian

idea falsafah sejarah ketengahkan oleh para penulis tersebut. Kajian berkenaan tokoh-tokoh ahli falsafah sejarah Islam juga hanya berkisar kepada nama-nama yang didapati sudah tepu dalam bidang ini sahaja. Tiada nama-nama baharu diperkenal dan diketengahkan sebagai tokoh falsafah sejarah dari kalangan orang Islam.

Misalnya, Sahidin (2019) telah menyenaraikan seramai 26 orang tokoh falsafah sejarah. Namun, senarai tersebut tidak membezakan dengan jelas ahli falsafah sejarah biasa dan ahli falsafah sejarah Islam, sebaliknya senarai tersebut telah mencampurkan nama-nama tokoh Islam dan bukan Islam. Yang menariknya ialah senarai tersebut bermula seawal abad keempat Masihi dengan Saint Augustine dan diakhiri dengan Francis Fukuyama pada abad ke-20 Masihi.

Disebabkan ketiadaan senarai yang lengkap inilah terdapat keperluan untuk mengisi kelompongan yang ada melalui kajian-kajian yang baharu. Berkemungkinan kita sudah merasa cukup dengan tokoh-tokoh yang telah disebutkan di atas walhal sebenarnya terdapat lagi tokoh yang namanya tidak menjadi subjek dalam kajian-kajian berkenaan wacana falsafah sejarah Islam.

Justeru, dalam kajian ini, pengkaji ingin memfokuskan kepada dua permasalahan kajian iaitu pertama, ketiadaan suatu bentuk pengaplikasian idea falsafah sejarah dalam mentafsirkan sejarah dan kedua, ketiadaan nama baharu sebagai tokoh falsafah sejarah. Berdasarkan ini, pengkaji ingin mengetengahkan seorang tokoh sejarawan dari Lubnan yang bernama Muhammad Jamil Bayyuhum (1887-1978). Pengkaji berpendirian bahawa nama Muhammad Jamil Bayyuhum wajar diangkat kerana karya tulisannya yang begitu signifikan dengan bidang falsafah sejarah. Ia berjudul *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani* (Bayyuhum, 1925) yang bermaksud Falsafah Sejarah Uthmaniyah. Karya ini merupakan satu manifestasi buah fikiran dan idea falsafah sejarah yang diaplikasikan dalam konteks sejarah yang spesifik iaitu sejarah Uthmaniyah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan menggunakan reka bentuk kajian teks karya *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani* sebagai sumber utama disamping sokongan fakta daripada sumber sekunder yang berkaitan. Teknik penganalisisan data pula menggunakan teknik analisa kandungan.

PENSINTESISAN IDEA FALSAFAH SEJARAH MUHAMMAD JAMIL BAYYUHUM

Berdasarkan pandangan sarjana sebelum ini, masih tiada lagi kajian yang mengupas soal idea falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum. Justeru, kajian berkenaan pemikiran falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum dimulakan dengan pencerakinan idea-idea beliau yang terdapat dalam pendahuluan karya *Falsafah al-Tarikh al-‘Uthmani*. Melalui cara ini, pengkaji akan dapat memperoleh pelbagai maklumat yang penting berkenaan isi kandungan, topik perbahasan, cara penulisan dan sebagainya. Hal ini dikuatkan lagi dengan kenyataan daripada Bavdekar (2015) berkenaan kepentingan pendahuluan. Katanya:

A well-written introduction describes the background and the context, goes on to state deficiencies that exist in knowledge and understanding and then defines what is being planned thereby providing a glimpse of what to expect in the remainder of the article.

Maksudnya: Satu penulisan pendahuluan yang baik berupaya untuk menerangkan latar belakang dan konteks, yang membawa kepada pernyataan kekurangan yang terdapat di dalam pengetahuan dan pemahaman

Walaupun konteks kenyataan di atas adalah berkaitan dengan kertas penyelidikan sebagaimana dalam dunia akademik, namun ia juga berkait dengan mana-mana karya ilmiah yang lain seperti buku. Tambahan pula karya *Falsafah al-Tarikh al-‘Uthmani* merupakan sebuah karya ilmiah, maka pendahuluannya tidak boleh diabaikan sama sekali. Kemudian, hasil pencerakinan yang telah dibuat daripada pendahuluan tersebut dikupas bersandarkan kepada kenyataan-kenyataan yang ditulis di dalam isi kandungan karya tersebut. Ia bagi membuktikan bahawa apa yang telah disebutkan di dalam pendahuluan benar-benar ada dan dibahaskan.

Karya *Falsafah al-Tarikh al-‘Uthmani* yang diterbitkan pada tahun 1925 mempunyai pendahuluan di dalam dua halaman sahaja. Walaupun halamannya sedikit, namun di dalamnya terkandung maklumat-maklumat penting berkenaan isi kandungan buku ini. Pengkaji akan menghuraikan pendahuluan ini mengikut perenggan dan seterusnya menganalisis setiap perenggan tersebut untuk mengeluarkan idea-idea yang menjadi asas kepada pemikiran falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum.



Gambar 1: Halaman muka hadapan karya *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani* cetakan *Maktabah Shadir* di Beirut pada tahun 1925.



Gambar 2: Potret penulis, Muhammad Jamil Bayyuhum yang disertakan dalam karya *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani*.

Perenggan Pertama

Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) menyatakan:

اماً كانت في جوار الصين خاملة الجاه خافته الذكر، لا تعرف
جارتها عن شؤونها الداخلية شيئاً مذكوراً، لم تلبث ان تغلبت على الصين
وعلى سائر الشرقين الاوسط والادنى، ثم لم ترل تتوقل في العلى الى ان
انجابت دولة، بين من انجبت، استطاعت ان تستحوذ حيناً على سيادة
البر والبحر، واصبحت حديث الامم، ومحور سياسة العالم في اجيال
عدة، فرفعت مقام امته الى الرتب الجليلة والمعالي الخطيرة

(Bangsa Turki) merupakan suatu bangsa yang mendiami pinggir wilayah China, yang tidak menggemarki pangkat dan kedudukan serta jarang sekali disebutkan tentangnya. Ia tidak diketahui akan hal ehwal keadaan dalamannya satu apa pun untuk disebutkan. Ia tidak tinggal menetap kadang kala mendiami wilayah China serta seluruh kawasan di timur tengah dan timur jauh. Kemudian, ia mencapai ke puncak ketinggian sehingga menubuhkan sebuah kerajaan. Antara kerajaan yang ditubuhkan itu telah berjaya memegang tampuk kepimpinan di daratan mahupun di lautan. Ia juga menjadi umat yang baharu serta menguasai politik dunia sehingga beberapa generasi. Akhirnya, bangsa ini telah mencapai kedudukan yang mulia dan tinggi.

Perenggan Kedua

Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) menyatakan:

تلك امة الترك التي انجحت امبراطورية آل عثمان . ومع ان تلك الامة وهاته الدولة لم ترالا في قاس شديد مع قومنا العرب منذ ازمان بعيدة لم نر في لفتنا مؤلفاً يبحث في فلسفة تارينهمما ذلك التاريخ الذي كاد يطبع سيرة المسلمين بطابعه ، واوشك ان يكون شاملاً لتاريخ العالم .

Itulah bangsa Turki yang telah menubuhkan kerajaan Uthmaniyyah. Dalam masa yang sama bangsa dan kerajaan tersebut masih lagi berinteraksi dengan bangsa kita; Arab sejak zaman dahulu yang mana tiada lagi penulisan dalam bahasa kita (bahasa Arab) yang membahaskan tentang falsafah sejarah mereka (Arab dan Turki). Sejarah tersebut menjadi sejarah umat Islam dan boleh jadi ia turut meliputi sejarah dunia.

Perenggan Ketiga

Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) menyatakan:

لذلك وما كانت سلطنة آل عثمان قد استوفت قسطها من الحياة، بما فيها من رقي ونهوض، واحسان واسعة، اقدمت على املاه، هذا الفراغ، فعمدت الى وضع مؤلف في فلسفة تاريخ آل عثمان يقسم الى كتابين اثنين : الاول منها يبحث (بعد ايراد مقدمة موجزة في تاريخ الترك والمغول) عن العوامل الزمانية والمكانية والمعنوية التي عملت على نشوء دولتهم ورقابها ، وينتهي بفصل يتضمن امثلة مما بلغته من السوق والسمو . والثاني منها يبحث عن الاسباب الداخلية والخارجية ومساهماتها التي قضت بالخطاطها، وحكمت بزوالها . ولا اريد بذلك خدمة اللغة العربية

وابناها فحسب وإنما ارغب في اظهار ما كان للترك عامرة وللعثمانيين خاصة من التأثير ، ان خيراً او شراً ، على احوال العالم ولا سيما الشرق الادنى الذي اظلته رايتهم قروناً عديدة .

Oleh yang demikian, memandangkan kerajaan Uthmaniyah ini telah lama didirikan dengan segala kejayaan dan kejatuhannya serta kebaikan dan keburukannya, saya berhasrat untuk memenuhi ruang kosong yang ada ini dengan menyusun sebuah buku tentang falsafah sejarah Uthmaniyah yang terbahagi kepada dua buah kitab. Kitab yang pertama membicarakan (selepas membahaskan tentang pendahuluan ringkas berkenaan sejarah bangsa Turki dan Mongol), adalah berkenaan faktor-faktor yang berkait dengan masa, tempat dan unsur-unsur maknawi yang saya telah ketahui melibatkan

penubuhan kerajaan mereka dan sehingga ia mencapai keagungannya dan diakhiri dengan fasal yang mengandungi sebab-sebab yang membawanya ke arah puncak ketinggiannya. Kitab yang kedua pula membicarakan tentang sebab-sebab dalaman, luaran dan faktor-faktor yang membawa kepada kemerosotan dan keruntuhannya.

Semua itu tidaklah saya lakukan hanya sebagai khidmat kepada bahasa Arab dan para penurutnya sahaja bahkan saya berhasrat untuk menonjolkan segala kesan peninggalan bangsa Turki ini secara umumnya dan Uthmaniyah khususnya tidak kira yang baik ataupun yang buruk dalam situasi dunia dan tidak juga terkecuali kawasan timur dekat yang sekian lama berada di bawah naungannya.

Perenggan Keempat

Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) mengatakan:

ولم تقتصر ابحاث مؤلفي هذا على فلسفة التاريخ العثماني الذي اسميته به، بل شملت معظم تاريخ الامم التي سبقت نشوء السلطنة العثمانية والتي عاصرتها في عهدي رقيها وانحطاطها. لأن فلسفة التاريخ كما تستدعي ربط الاسباب بالأسباب تورد العوامل الداخلية والخارجية التي تؤثر في تطور الامم. ولا يخفى ما بين شعوب العالم من الارتباط العام . فهو اذا يكاد يكون تاريخاً سياسياً عاماً نحن في ميسى الحاجة اليه .

Perbahasan-perbahasan yang ada di dalam penulisan saya ini tidak hanya terhad kepada perbincangan berkenaan falsafah sejarah Uthmaniyah sahaja sebagaimana yang saya sebutkan bahkan sebahagian besarnya mencakupi sejarah bangsa-bangsa yang terdahulu sebelum penubuhan kerajaan Uthmaniyah dan yang sezaman dengannya pada zaman saya serta zaman kejatuhaninya. Hal ini disebabkan oleh falsafah sejarah itu sebagaimana yang didakwa menghubungkan sebab dan akibat yang membawa kepada faktor-faktor dalaman dan luaran yang mana mempengaruhi perkembangan sesebuah bangsa. Juga, ia tidak lagi terselindung dengan apa yang berlaku dalam kalangan masyarakat dunia dengan suatu

keterkaitan yang umum ini. Maka, ia boleh menjadi suatu bentuk sejarah politik yang umum sebagaimana yang kita perlukan.

Perenggan Kelima

Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) mengatakan:

وقد توخيت صحة الاخبار والاعتدال في الاحكام. فان لوحظ في كتابي هذا اطرا، ما لدولة آل عثمان، فما هو الا لان الابحاث عن امجاد الامم تؤدي طبعاً الى الاشارة الى محسنهـا . وان بدا في الكتاب التالي انتقادـعليها فليس هو بمقصود، وانما الكلام على اخـطاط الدول يؤدي الى اظهار مساوئـها، على ان قلمـي القاصر لم يعتـدـقط التعرض للمدح او للذم. ونـاهـيكـ بـانـهـ لمـ يـقـ بعدـزوـالـ تلكـ السـلـطـنةـ التيـ نـورـخـاـ منـ اـمـلـ فيـ اـطـرـاهـ، اوـ خـوفـ منـ اـنـتـقادـهـ . ولـماـ كانـ مـوـضـوـعـ مـثـلـ هـذـاـ الكـتـابـ حـدـيـثـاـ فيـ لـغـتـاـنـاـ شـاقـاـعـلـىـ رـانـدـبـيـدـائـهـ اـضـطـرـرـتـ انـ اـصـرـفـ بـضـعـةـ اـعـوـافـ فيـ التـنـقـيـبـ عنـ موـادـ وـجـعـ شـتـاتـهـ، وـمـثـلـتـهـ لـطـبـعـ وـاـنـاـ مـوـقـنـ منـ اـنـيـ لمـ اـبـلـغـ الغـاـيـةـ التيـ الـيـهاـ قـصـدتـ . وـجـلـ مـاـ دـمـيـتـ الـيـهـ انـ اـمـهـاـ السـبـيلـ لـمـ بـرـيدـ انـ يـكـمـلـ ماـ بـدـأـتـ بـهـ «ـوـفـوـقـ كـلـ ذـيـ عـلـمـ عـلـيـمـ .ـ»

محمد جمـيلـ بـيهـمـ

بيـرـوـتـ فـيـ ١ـ رـجـبـ ١٣٤٣ـ

Untuk itu, saya telah melakukan penelitian yang mendalam dalam soal kebenaran sesuatu berita yang saya terima dan bersikap pertengahan dalam menentukan hukum terhadapnya. Maka, sekiranya ditemui di dalam karya saya ini sebarang pujian terhadap kerajaan Uthmaniyah ini, maka semua itu hanyalah kerana perbahasan berkenaan kehebatan sesuatu bangsa itu secara tabiatnya akan menjurus kepada menunjukkan kebaikan-kebaikannya. Sekiranya sebaliknya pula, itu juga bukanlah tujuan saya kerana (kebiasaannya) berbicara soal kemerosotan sesebuah kerajaan sebenarnya akan menjurus kepada menunjukkan keburukan-keburukannya. Dalam keadaan pena saya yang pendek ini tidak mampu untuk mengetengahkan pujian ataupun celaan terhadapnya. Tambahan pula selepas keruntuhan kerajaan yang kita ceritakan ini tidaklah kami mengharapkan sebarang

balasan ataupun takut apabila mengkritiknya. Memandangkan topik seperti buku ini masih lagi baharu dalam bahasa kita dan sukar untuk dimulakan ditambah pula dengan masa yang diambil selama beberapa tahun untuk mencari dan mengumpulkan bahan tentangnya. Sudah tentu, saya yakin bahawa saya tidaklah berjaya mencapai tujuan yang saya hasratkan itu. Sekadar itulah apa yang saya boleh sediakan untuk sesiapa yang mahu meneruskan apa yang telah saya mulakan ini. Sudah tentu pada tiap-tiap orang yang berilmu ada Tuhan yang Maha Mengetahui.

Hasil daripada proses penganalisisan teks pendahuluan karya *Falsafah Tarikh al-Uthmani*, pengkaji telah berjaya menemui sebanyak lima indikator yang menunjukkan terdapatnya unsur-unsur pemikiran falsafah sejarah sebagaimana yang dinyatakan secara langsung dan tidak langsung oleh penulisnya. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan lokasi kelima-lima indikator tersebut ditemui:

Jadual 1: Jadual Mensintesis Idea Falsafah Sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum

Indikator	Perenggan	Kategori
1.	Keempat	Kategori 1 Menghubungkan sebab dan akibat
2.	Kedua	Kategori 1
3.	Keempat	Menghubungkan sebab dan akibat
4.	Kelima	Kategori 3
5.	Kelima	Pemilihan sumber yang berautoriti

Sumber: Pengkaji

Kelima-lima indikator ini kemudiannya dikategorikan kepada tiga kategori berdasarkan naratif falsafah sejarah. Bagi kategori pertama, indikator 1 (perenggan keempat) menyebutkan tentang keterkaitan di antara sebab dan akibat. Manakala bagi kategori yang kedua, didapati indikator 2 (perenggan kedua) dan indikator 3 (perenggan keempat) menyebutkan tentang falsafah sejarah melibatkan sejarah dunia. Akhir sekali, bagi indikator 4 dan 5 yang mana kedua-duanya berada di perenggan kelima, menyebutkan tentang pemilihan sumber yang berautoriti. Berikut dijelaskan secara terperinci berkenaan perkara ini.

HURAIAN BERKENAAN IDEA FALSAFAH SEJARAH MUHAMMAD JAMIL BAYYUHUM

Kategori Pertama: Menghubungkan Sebab dan Akibat

Berpandukan pencerakinan yang telah dibuat terhadap teks pendahuluan sebelum ini, bagi kategori pertama, ia dinyatakan dengan jelas menerusi perenggan yang keempat. Dalam perenggan ini, Muhammad Jamil Bayyuhum telah memilih aliran falsafah sejarahnya sendiri memandangkan beliau telah mendefinisikan faslafah sejarah menurut pandangannya. Katanya (1925):

والتي عاصرتها في عهدي رقيها وانحطاطها. لأن فلسفة التاريخ كما تستدعي
ربط الاسباب بالسبابات تورد العوامل الداخلية والخارجية التي تؤثر
في تطور الامم. ولا يخفى ما بين شعوب العالم من الارتباط العام . فهو اذاً

Hal ini disebabkan oleh falsafah sejarah itu sebagaimana yang didakwa menghubungkan sebab dan akibat yang membawa kepada faktor-faktor dalaman dan luaran yang mana mempengaruhi perkembangan sesebuah bangsa.

Bukan itu sahaja, kita juga dapat menemui di dalam kandungan karya Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani pada beberapa tempat kenyataan yang memberikan maksud yang sama seperti yang disebutkan pada pendahulunya tadi. Misalnya, pada bahagian yang pertama dan keempat.

Pada bahagian yang pertama karya Falsafah al-Tarikh al-'Uthman yang bertajuk Tarikh al-Turk yang bermaksud 'Sejarah Bangsa Turki', Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) menyebutkan:

ان فلسفة التاريخ لا تشبه التاريخ المجرد ، الذي يقتصر على ذكر الحادث فيخفف
عليه فوراً ، ولما هي ، بنا عليها من تعليق الحادث وربط الاسباب بالسبابات، ذات واجبات
أكثر حتى أنها تحتاج أحياناً إلى أن ترجع إلى الأصول مما بعدت . ذلك فقد رأينا من

Sesungguhnya falsafah sejarah itu tidak sama dengan sejarah semata-mata yang mana difahami menyebutkan sesuatu peristiwa kemudia ia akan dilupai dengan segera. Sesungguhnya ia (falsafah sejarah) itu merupakan suatu pencarian sebab bagi sesuatu peristiwa dan menghubungkan

sebab-sebab dengan akibat-akibatnya. Untuk itu, kadang kala ia memerlukan kita untuk merujuk kembali kepada sumber-sumber tidak kira betapa jauhnya ia.

Beliau telah meletakkan asas kepada penulisan karya ini dengan memberi definisi falsafah sejarah iaitu sebab dan akibat. Beliau memulakan bahagian yang pertama ini dengan menceritakan perihal bangsa Turki yang menjadi pokok pangkal kepada kemunculan kerajaan Uthmaniyah itu sendiri. Sambungnya (1925):

أكثُرَتِي إِنَّمَا لِتَحْتَاجِ إِحْيَانًا إِلَى أَنْ تَرْجِعَ إِلَى الْأَصْوَلِ مِمَّا بَعْدَتْ . لِذَلِكَ فَقَدْ رَأَيْنَا مِنْ
الْوَاجِبِ ، قَبْلَ اِنْبَاسِرَ الْبَحْثَ عَنْ آلِ عُثْمَانٍ ، اَنْ غَيْرَهُ لَهُ بِإِرَادَةٍ خَلَاصَةٌ مِنْ تَطْوِيرِ تَارِيخِ التُّرْكِ
وَمَا تَخَلَّلَهُ مِنْ الْحَوَادِثِ الَّتِي اَعْمَلَتْ عَلَى ظُهُورِ الامْبَاطُورِيَّةِ الْعَثْمَانِيَّةِ وَفَلَاحَهَا . وَقَدْ قَسَّيْنَا هَذَا

Disebabkan itulah kami melihat adalah menjadi suatu kewajiban sebelum berbicara secara terang-terangan berkenaan kerajaan Uthmaniyah untuk kita memberikan sedikit rumusan ringkas terhadap perkembangan bangsa Turki serta peristiwa-peristiwa yang mereka lalui ketika detik kemunculan dan kejayaan kerajaan Uthmaniyah itu.

Muhammad Jamil Bayyuhum telah menegaskan bahawa pendekatan falsafah sejarah yang dipilih adalah berteraskan kepada hubungan sebab dan akibat. Hal ini dapat juga dapat dilihat dalam bahagian keempat karya *Falsafah al-Tarikh al-‘Uthmani* berjudul *Ma alladzi sa’ada ‘ala falah al-‘Uthmaniyyah? – Al-‘Awamil al-Dakhiliyyah* yang bermaksud ‘Apakah yang telah membantu kejayaan kerajaan Uthmaniyah? – Faktor Dalaman.’ Beliau menjelaskan:

التَّنَازُعُ الْبَاقِيُّ مُسْتَمِرٌ وَمِنْ سُنْتِهِ فُوزُ الْأَكْمَلِ نُسْبِيًّا ، بِيدِ اَنَّهُ لَابِدَ لِكُلِّ نَتْيَاجٍ مِنْ
مَقْدِمَاتٍ : فَلَا تَرْتَبِي اَمَةً اَوْ تَنْخِطُ عَنْ غَيْرِ سَبَبٍ .

Persaingan demi kelangsungan itu berlaku secara berterusan selama-lamanya. Antara sunnatullahnya ialah yang mencapai kemenangan akan meneruskan kelangsungan nasab keturunannya. Walau bagaimanapun, bagi setiap kesan yang berlaku itu di dahului oleh beberapa perkara. Maka, sesuatu umat itu menjadi hebat atau gagal tidak berlaku tanpa sebab.

Maka, dapat dibuktikan dengan jelas di sini bahawa melalui pernyataan pada bahagian pertama dan keempat *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani*, Muhammad Jamil Bayyuhum telah menggunakan terma sebab – akibat dalam kaedah falsafah sejarah beliau. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan pada pendahuluan karyanya itu.

Kategori Kedua: Melibatkan Sejarah Dunia

Apabila sesuatu peristiwa sejarah itu dikaitkan dengan sebab dan akibat, pasti ia akan turut sama melibatkan sejarah yang berada di luar topik perbincangan. Misalnya, dalam konteks karya Muhammad Jamil Bayyuhum, ia pada asasnya memfokuskan kepada sejarah kerajaan Uthmaniyah. Namun, disebabkan oleh topik ini dibahaskan menerusi kerangka falsafah sejarah, maka secara tidak langsung perbahasananya akan menjadi berbeza dan tidak seperti naratif biasa berkenaan kerajaan ini.

Maka, penulis menerusi pendahuluan karya ini telah menyebut berulang kali pada perenggan kedua dan keempat berkenaan hasrat atau usaha beliau untuk menjadikan perbahasan falsafah sejarah Uthmaniyah dengan mengaitkannya dengan sejarah dunia. Pada perenggan kedua, Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) menyebutkan:

بعيدة لم نر في لفتنا مؤلفاً يبحث في فلسفة تارixinهما ذلك التاريخ
الذي كاد يطبع سيرة المسلمين بطابعه، واوشك ان يكون شاملًا لتاريخ
العالم.

Sejarah tersebut menjadi sejarah umat Islam dan boleh jadi ia turut meliputi sejarah dunia.

Makakala pada perenggan keempat pula beliau menyebutkan:

في تطور الأمم . ولا يخفى ما بين شعوب العالم من الارتباط العام . فهو اذا
يكاد يكون تاريخنا سياسياً عاماً نحن في ميسى الحاجة اليه .

Juga, ia tidak lagi terselindung dengan apa yang berlaku dalam kalangan masyarakat dunia dengan suatu keterkaitan yang umum ini. Maka, ia boleh menjadi suatu bentuk sejarah politik yang umum sebagaimana yang kita perlukan.

Perkara ini dikuatkan lagi apabila penulis melontarkan ideanya

berkenaan hal ini pada bahagian ketiga karya ini iaitu *Hal ‘alam al-Syarq wa al-Islam hina Zuhur al-Mamlakah al-‘Uthmaniyyah* yang bermaksud ‘Keadaan Dunia Timur dan Islam tatkala kemunculan kerajaan Uthmaniyyah’ menyebutkan:

اَنَا وَانْ كَذَا نَوْحِي فِي هَذَا الْكِتَابِ الْبَحْثُ فِي الامپراطوريَّةِ الْعَثْمَانِيَّةِ حَسْبٌ ، غَيْرُ
اَنْ فَلْسَفَةَ التَّارِيخِ وَمَا تَقْضِيهِ مِنْ رِبْطِ الْاسْبَابِ بِالْمُسَبَّبَاتِ تَجْعَلُنَا نَخْرُجُ إِلَى التَّارِيخِ الْعَالَمِ
وَخَصْرَصًا فِيَّ يَتَعَاقِدُ مِنْهُ بِأَهْلِ الشَّرْقِ وَالْمُسْلِمِينَ

Saya, sungguhpun membincangkan di dalam buku ini berkenaan kerajaan Uthmaniyyah, ia tidak bermaksud begitu bahkan falsafah sejarah itu sendiri dan apa yang berkaitan dengannya melibatkan penghubung kaitkan sebab-sebab dengan akibat-akibatnya sehingga menjadikan kita terkeluar menjadi suatu perbahasan sejarah umum terutamanya yang berkaitan dengan penduduk di Timur dan umat Islam.

Jelas bahawa Muhammad Jamil Bayyuhum tidak mahu menyempitkan pemahaman terhadap falsafah sejarah dengan hanya menumpukan secara spesifik terhadap topik yang dibincangkan. Malah, menurut beliau, falsafah sejarah itu perlu dilihat dalam kerangka yang lebih luas dan menyeluruh. Semua ini menjadikan perbincangan tentang falsafah sejarah seperti perbincangan tentang sejarah dunia. Kupasan lanjut berkenaan perkara ini dimuatkan di dalam bab yang kelima.

Kategori Ketiga: Pemilihan Sumber yang Berautoriti

Aspek ketiga yang membentuk pemikiran falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum adalah sebagaimana yang telah disebutkan dalam perenggan kelima pendahuluhan karya *Falsafah al-Tarikh al-‘Uthmani*. Katanya:

وَقَدْ تَوْكَيْتُ صَحَّةَ الْأَخْبَارِ وَالْاعْتَدَالُ فِي الْحُكُمِ.

Untuk itu, saya telah melakukan penelitian yang mendalam dalam soal kebenaran sesuatu berita yang saya terima dan bersikap pertengahan dalam menentukan hukum terhadapnya.

Mengambil berat soal sumber-sumber sejarah merupakan salah satu ciri pembeza di antara sikap sejarawan biasa yang hanya menukilkan segala riwayat yang diterimanya dengan sikap sejarawan yang memahami prinsip falsafah sejarah sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Malah, pendekatan

yang diambil dalam penulisan karya ini hakikatnya telah menjadikan beliau tidak memandang remeh dalam proses penulisannya. Jelasnya lagi dalam perenggan yang sama:

لفتنا وشاقٌ على رائد بيده اضطررت ان اصرف بضعة اعوام في التنقيب
عن مواده وجمع شتاته، ومثلته للطبع وانا موقن من اني لم ابلغ الغاية

Saya terpaksa mengambil masa beberapa tahun untuk melakukan proses penelitian terhadap bahan-bahannya (rujukan) dan mengumpulkan (maklumat-maklumat) yang berselerakan.

Hal ini dikuatkan lagi menerusi kenyataan beliau pada pendahuluan bahagian yang kedua buku ini yang berjudul *al-'Ashr al-Mughuli* yang bermaksud ‘Zaman Monggol’:

دخلوه ولا شوه قبيل ظهورها وفي صدر دولتها ، من الحكومات ، لذلك ورغبة في ان
يكون بحثنا التاريخي متصلًا غير متقطع علينا على اياد خلاصة من اخبارهم .

Hendaklah kajian sejarah kami ini memiliki kesinambungan dan tidak terputus memandangkan kami berpegang (dengan prinsip) bagi mendapatkan kebenaran bagi setiap perkhabaran tentang mereka.

Melalui ungkapan ini, jelas menunjukkan bahawa salah satu disiplin yang dipegang oleh Muhammad Jamil Bayyuhum dalam menulis sejarah ialah dengan mengambil berat soal sumber sejarah yang digunakan. Dalam konteks karyanya yang berjudul *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani*, pengkaji mendapati beliau menggunakan kaedah nota kaki dalam memaparkan rujukan-rujukan yang digunakan dalam penulisan karya tersebut. Sungguhpun begitu, senarai rujukan tidak dimuatkan dipenghujung karyanya.

Maka, nota kaki tersebut menjadi satu-satunya petunjuk untuk membuktikan betapa Muhammad Jamil Bayyuhum begitu menitikberatkan soal kredibiliti rujukan yang digunakan untuk menulis karyanya ini. Sebagai contoh, berikut merupakan senarai karya yang digunakan oleh beliau sebagaimana yang dinyatakan pada nota kaki *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani* pada bahagian yang pertama:

Jadual 2: Senarai Rujukan yang dinyatakan pada Nota Kaki Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani pada Bahagian yang Pertama

Bil.	Judul	Penulis	Bahasa
1.	<i>Introduction À l'Histoire de l'Asie: Turcs Et Mongols, Des Origines À 1405</i>	David-Léon Cahun	Perancis
2.	<i>Da'irah Ma 'arif al-Bustani</i>	Butrus al-Bustani	Arab
3.	<i>Manjam al-'Umran fi al-Mustadrak 'ala Mu'jam al-Buldan</i>	Muhammad Amin al-Khanji	Arab
4.	<i>Revue de l'histoire des religions</i>	Association de la Revue de l'histoire des religions (Vol. 22)	Perancis
5.	<i>Al-Kamil fi al-Tarikh</i>	Ibnu al-Athir	Arab
6.	<i>Al-Mukhtashar fi Akhbar al-Basyar</i>	Abu al-Fida'	Arab
7.	<i>Mu'jam al-Buldan</i>	Yaqut al-Hamawi	Arab
8.	<i>Tarikh Mukhtashar al-Duwali</i>	Ibnu al-'Anbari	Arab
9.	<i>Al-Imamah wa al-Siyasah</i>	Ibnu Qutaibah al-Dinawari	Arab
10.	<i>Shafwah al-I'tibar bi Mustawdi' al-Amshar wa al-Aqthar</i>	Muhammad bin Musthafa Bayram	Arab
11.	<i>Tarikh al-Tamaddun al-Islami</i>	Jurji Zaydan	Arab
12.	<i>Muruj al-Dzahab wa Ma'adin al-Jawhar</i>	Al-Mas'udi	Arab
13.	<i>Al-'Aqd al-Farid</i>	Ibnu 'Abd Rabbih	Arab
14.	<i>Tarikh al-Dawlah al-'Aliyyah al-'Uthmaniyyah</i>	Muhammad Farid Bek	Arab
15.	<i>Hayat al-Hayawan al-Kubra</i>	Al-Dumayri	Arab
16.	<i>Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman</i>	Ibnu Khalikan	Arab
17.	<i>Nouveau Larousse illustré</i>	Éditions Larousse	Perancis
18.	<i>Al-Futuhat al-Islamiyyah ba'da Madha' al-Futuhat al-Nabawiyah</i>	Ahmad Zaini Dahlan	Arab

Sumber: Pengkaji

Berdasarkan kepada senarai yang telah keluarkan daripada nota-nota kaki di dalam karya *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani*, jelaslah bahawa Muhammad Jamil Bayyuhum merupakan seorang yang teliti dalam memilih sumber rujukannya. Jika diperhatikan juga senarai tersebut, kesemua karya yang dirujuk oleh beliau merupakan karya berbahasa Arab dan Perancis sahaja. Selain daripada bahasa Arab yang merupakan bahasa ibunda beliau, perkara ini turut membuktikan bahawa Muhammad Jamil Bayyuhum menguasai bahasa Perancis dengan begitu baik sekali.

Penguasaan bahasa Perancis ketika awal abad ke-20 tidaklah menghairankan memandangkan Perancis merupakan salah satu kuasa *imperialisme* yang menjajah negara lain. Dalam konteks Muhammad Jamil

Bayyuhum, Perancis telah menjajah tempat kelahirannya Lubnan setelah kalahnya kerajaan Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama (Fawwaz Traboulsi 2007).

Selain itu, dapat dilihat keupayaan Muhammad Jamil Bayyuhum menggunakan karya-karya yang ditulis dalam bahasa Peranis disebabkan latar belakang pendidikannya sebagaimana yang telah dijelaskan pada bab berkenaan biografi beliau. Perkara ini juga diakui oleh Farrukh (1979) yang menulis tentang biografi beliau dengan katanya:

Beliau (Muhammad Jamil Bayyuhum) telah mula mendapatkan pendidikan di al-Kuliyyah al-'Uthmaniyyah yang mana kemudiannya dikenali dengan al-Kuliyyah al-Islamiyyah yang diasaskan oleh al-Syaikh Ahmad 'Abbas al-Azhari... Kemudian, beliau melanjutkan pelajarannya di Madrasah Ulifiya al-Faransiyyah... Dengan itu, Muhammad Jamil Bayyuhum berjaya menguasai tiga bahasa serentak iaitu bahasa Arab, bahasa Turki dan bahasa Perancis. Ia telah menjadikan beliau berupaya untuk mendapatkan pelbagai ilmu pengetahuan yang sangat kaya ketika itu.

Berkenaan pemilihan sumber, Muhammad Jamil Bayyuhum sendiri mengakui bahawa aspek ini sangatlah penting dan perlu diambil perhatian serius. Dalam sebuah karyanya yang lain berjudul *Awwaliyyat Salathin al-Turkiya* (Bayyuhum, 1931) turut dikupas perkara ini. Katanya:

وسيدرك القارئُ الْكَرِيمُ مَا احْتَاجَ إِلَيْهِ هَذَا الْمَوْجِزُ
مِنَ الْمَرْاجِعَاتِ فِي الْمُوسَوعَاتِ، وَالدُّرْسِ وَالتَّنْقِيبِ فِي
مُخْتَلِفِ الْلُّغَاتِ، حَتَّىٰ جَاءَ، فِي صَفْحَاتِهِ الْقَلِيلَةِ، كَفَهُرْسَتُ

Para pembaca yang mulia akan mengetahui bahawa apa yang diperlukan untuk menghasilkan buku ini ialah ringkasan daripada rujukan-rujukan yang ada di dalam ensiklopedia-ensiklopedia, pengkajian dan penelitian kepada sumber yang ditulis daripada pelbagai bahasa.

Berdasarkan kepada keterangan yang telah diberikan, maka dapat difahami bahawa Muhammad Jamil Bayyuhum merupakan seorang sejarawan yang mengambil berat soal sumber-sumber pengambilan fakta sejarahnya. Dengan keupayaan memanfaatkan sumber-sumber berbahasa Arab dan

Perancis yang merupakan antara dua bahasa ilmu yang utama ketika itu, Muhammad Jamil Bayyuhum berjaya mempersembahkan kepada para pembacanya suatu karya sejarah yang berautoriti dan dipercayai.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pengkaji telah memulakan kupasan berkenaan pendahuluan karya *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani* untuk mengekstrak sebarang unsur yang boleh diketengahkan sebagai pemikiran falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum. Hasilnya, terdapat tiga perkara yang telah ditemui dan boleh diangkat sebagai idea falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum iaitu pertama, menghubungkan sebab dan akibat; kedua, melibatkan sejarah dunia dan ketiga, pemilihan sumber yang berautoriti. Kemudian, pengkaji menghuraikan setiap satu idea tersebut melalui kupasan isi kandungan karya tersebut untuk membuktikan bahawa setiap satunya disebutkan dan dibincangkan di dalamnya.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan kepada pihak Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk tajaan pengajian yang telah diberikan kepada pengkaji. Semoga kajian seperti ini sedikit sebanyak dapat memberikan manfaat daripada wang zakat yang telah diberikan dalam usaha mengembangkan lagi pengkajian berkenaan tokoh Muhammad Jamil Bayyuhum.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana pihak, individu atau pertubuhan dari segi kewangan dan kepentingan lain dalam penulisan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Dalam penyelidikan ini, penulis pertama menyediakan draf penuh berdasarkan data dan dapatan. Manakala penulis kedua pula menyemak hasil penulisan yang telah siap.

RUJUKAN

- Abdullah, A. R. (2000). *Wacana Falsafah Sejarah; Perspektif Barat dan Timur*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- al-Nasasyar, M. (2017). *Falsafah al-Tarikh*. Kaherah: Syirkah al-Amali li al-Thiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.

- Idea *Falsafah Sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum: Analisis Terhadap Karya Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani*
- Bavdekar, S. B. (2015). Writing Introduction; Laying the Foundations of a Research Paper. *Journal of the Association of Physicians of India*, 44-46.
- Bayyuhum, M. J. (1925). *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani*. Beirut: Maktabah Shadir.
- Bayyuhum, M. J. (1931). *Awwaliyyat Salathin Turkiya*. Beirut: Mathba'ah al-'Irfan.
- Ibrahim, M. Y. (2013). *Ilmu Sejarah; Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mu'nis, H. (2001). *Al-Tarikh wa al-Mu'arrikhun Dirasah fi 'Ilm al-Tarikh*. Kaherah: Dar al-Rasyyad.
- Sahidin, A. T. (2019). *Filsafat Sejarah Profetik, Spekulatif dan Kritis*. Jakarta: Prenada Media Group.
- Shubhi, A. M. (1975). *Fi Falsafah al-Tarikh*. Iskandariah: Mu'assasah al-Tsaqafah al-Jami'iyyah.
- Farukh, Umar. (1979) Muhammad Jamil Bayyuhum. Al-'Irfan. Februari: 139-158.